

Definisi, Konsep dan Teori Toleransi Beragama

Definition, Concept and Theory of Religious Tolerance

Khadijah Muda¹, Siti Nor Azhani Mohd Tohar²

¹Pusat Pengajian Teras & Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, Malaysia;

Article progress

Accepted: 6 April 2020

Reviewed: 28 Mei 2020

Published: 31 Mei 2020

*Corresponding author:

Khadijah Muda, Universiti

Sains Islam Malaysia,

Malaysia;

Email:

khadijahmuda@usim.edu.my

Abstrak: Tujuan artikel ini adalah untuk menghuraikan definisi, konsep dan teori toleransi beragama. Artikel ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan. Toleransi adalah sikap atau tingkahlaku individu dari segi dalaman atau luaran. Toleransi dari segi dalaman seperti persepsi, prejudis dan stereotaip tidak dapat dilihat dengan mata kasar, namun ia boleh berubah dan ditunjukkan melalui tingkahlaku. Toleransi beragama pula boleh diertikan sebagai sikap atau tingkahlaku yang bersedia untuk menghormati dan membenarkan penganut agama lain mengamalkan agama masing-masing tanpa sebarang halangan selagi mana tidak menyentuh sensitiviti agama lain dan tidak melanggar batas syariat yang ditetapkan agama. Dari segi teori pula, artikel ini mengupas teori toleransi beragama menurut sarjana Islam dan Barat.

Kata kunci: Toleransi beragama; definisi; konsep; teori;

Abstract: The purpose of this article is to describe definitions, concepts and theories of religious tolerance. This article uses a library approach. Tolerance is the attitude or behavior of the individual internally or externally. Internal tolerances such as perception, prejudice and stereotypes are invisible, but they can be changed and demonstrated through behavior. Religious tolerance also can be interpreted as an attitude or behavior that is willing to respect and allow other religions to practice their religion without any obstacles as long as it does not touch the sensitivity of other religions and does not violate the stipulated rules of the religion. Theoretically, this article explores the theory of religious tolerance in Islam and Western scholars.

Keywords: Religious tolerance; definition; concept; theory;

Toleransi Beragama

Allah SWT melarang kita menjadikan orang yang memerangi agama kita sebagai teman rapat, namun Allah SWT tidak melarang kita daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kita kerana agama yang kita anuti, serta tidak mengeluarkan kita dari kampung halaman sendiri. Allah SWT mengasihi orang yang berlaku adil sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Mumtahanah ayat 8-9 iaitu:

لَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

إِنَّمَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَنْ تَوَلَّوهُمْ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya:

Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu) dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu,) dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim. ¹

¹ Semua terjemahan ayat al-Qur'an dalam tulisan ini berdasarkan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an, Cetakan ke-13 (Kuala Lumpur, Terbitan Darulfikir. Dengan izin dan di bawah kawalan JAKIM, 2002).

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa dalam Islam sikap bertoleransi dalam beragama perlu bagi menjamin keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat. Berbuat baik dan berlaku adil dalam ayat ini jelas menggambarkan sikap bertoleransi terhadap penganut agama lain. Namun, dalam bertoleransi ayat ini turut menegaskan bahawa kita dilarang daripada menjadikan mereka yang memerangi agama kita sebagai teman rapat. Sesiapa yang bersikap sedemikian adalah orang-orang yang zalim.

Definisi Dan Konsep Toleransi Beragama

Menurut sejarah, konsep toleransi bermula daripada usaha-usaha dalam menangani kesan-kesan ganas dan bahaya konflik keagamaan (Sullivan & Transue 1999). Perkataan toleransi merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Latin iaitu *tolerantia* atau dalam bahasa Inggeris disebut *tolerance*. Dalam bahasa Arab toleransi bermaksud *al-tasamuh*, yang bererti sikap membiarkan dan berlapang dada (Umar Hasyim, 1979). Toleransi boleh dikonsepsikan dengan pelbagai cara, sebagai contoh menghargai dan meraikan perbezaan, tidak prejudis, menolak sebarang unsur prejudis dan sterotaip (Robinson et al. 2001). Adeney (1926) mendefinisikan toleransi sebagai suatu tindakan yang dilakukan secara sukarela iaitu tiada tindakan terhadap sesuatu yang tidak dibenarkan, serta kebebasan adalah terhad dan bersyarat. Toleransi juga ditunjukkan melalui pandangan, sikap, tingkahlaku dan kepercayaan (Ferrari 1976) serta suatu polisi atau sikap terhadap sesuatu yang tidak diterima namun tidak ditolak secara aktif (Laursen, 2005). Toleransi merupakan suatu formula dalam mewujudkan kebersamaan antara dua pihak yang berbeza kepercayaan, iman dan pandangan dengan cara yang bertamadun (Agius & Ambrosewicz 2003). Setiap individu atau masyarakat juga mempunyai hak yang sama dan mempunyai hak untuk berbeza pendapat, keinginan dan tingkahlaku. Ahmad Tarmizi Talib (2010) mendefinisikan toleransi beragama sebagai sikap atau tingkahlaku yang bersedia untuk membenarkan perbezaan agama untuk diamalkan dalam masyarakat yang pelbagai tanpa prejudis atau diskriminasi, walaupun ada yang mempunyai kuasa untuk menolak atau mengabaikannya. Menurut beliau lagi, semua orang bebas untuk mempercayai dan mengamalkan ajaran masing-masing. Beliau turut menegaskan bahawa, toleransi beragama bukan bermakna semua agama adalah sama benarnya, tetapi ia berpegang kepada hak masing-masing untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing.

Semangat toleransi dapat dilihat dalam masyarakat Islam seperti bercampur dengan baik, pergaulan yang lemah lembut, menjaga hak-hak jiran dan berperikemanusiaan dalam soal kebajikan, belas

kasihan dan kasih sayang (Yusof Al-Qardawi 1989). Menurut Nur Farhana Abdul Rahman dan Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (2013), berdasarkan kepada persidangan UNESCO yang berlangsung pada 25 Oktober hingga Disember 1995, prinsip toleransi didefinisikan sebagai mengiktiraf dan menghormati kepercayaan dan amalan orang lain dan diri sendiri. Setiap individu juga perlu menghormati diri mereka sebagai salah seorang daripada sesebuah kumpulan sosial atau kumpulan etnik tertentu. Ini kerana apabila terjadi sesuatu hal yang tidak diinginkan yang berpunca dari diri seseorang individu tersebut, bukan hanya diri individu itu sahaja dipersalahkan, malah kumpulan sosial atau etnik yang diwakili juga turut dikaitkan. Bertoleransi memerlukan kesediaan individu untuk belajar sesuatu yang baru berkenaan cara pemikiran dan tingkahlaku (Nur Farhana Abdul Rahman & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali 2013). Toleransi penting bagi mengelakkan sikap berat sebelah, prejudis, sterotaip dan mengelakkan sikap serta kepercayaan negatif berubah menjadi tindakan negatif (Vogt, 1997).

Toleransi beragama pula merupakan suatu sikap atau tingkahlaku yang membenarkan dan menerima perbezaan agama untuk diamalkan dalam sebuah masyarakat majmuk tanpa diskriminasi dan prejudis (Ahmad Tarmizi Talib et al. 2013). Toleransi beragama dalam perspektif Islam mestilah berprinsip iaitu tidak melanggar garis panduan yang telah ditetapkan syariat (Nur Farhana Abdul Rahman & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali 2013). Islam bukan saja membenarkan, malah menggalakkan agar penganutnya bersikap toleransi dalam beragama. Namun, ia bukanlah bermaksud membenarkan penganutnya mengakui kebenaran agama lain. Bertoleransi dalam beragama adalah menghormati penganut agama lain dalam melakukan aktiviti-aktiviti keagamaan mereka tanpa gangguan dan halangan. Umat Islam bebas menunaikan solat Jumaat di Masjid dan bebas untuk menutup aurat tanpa sebarang gangguan secara fizikal atau mental. Masyarakat Hindu bebas untuk melakukan amalan ritualnya apabila tiba waktu sembahyang atau perayaan-perayaan keagamaannya. Begitu juga penganut agama lain seperti Buddha dan Kristian. Dalam surah Al-Kafirun ayat 6, Allah SWT turut berfirman

﴿لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ﴾

Maksudnya:

Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku.

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled (2008) menjelaskan bahawa ayat ini bererti

Setiap penganut agama boleh mengamalkan keyakinan ajaran masing-masing dan dalam pada

masa yang sama mereka tidak boleh mengganggu hak pegangan, kepercayaan dan cara hidup penganut agama lain. Kenyataan ini bukanlah bermaksud Islam mengakui kebenaran doktrin dan falsafah ajaran yang terkandung di dalam agama lain. Sebaliknya Islam sekadar mengiktiraf kewujudan agama-agama lain di dunia ini sebagai suatu sunnatullah. (hlm 84)

Yusuf Al-Qaradhawi (2015) turut menyenaraikan asas-asas pemikiran dalam toleransi beragama bagi masyarakat Muslim. Pertama, setiap Muslim perlu yakin tentang kemuliaan diri manusia tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit. Kedua, setiap Muslim harus yakin bahawa perbezaan manusia dalam menganuti sesuatu agama itu adalah dengan kehendak Allah SWT yang telah memberikan kebebasan kepada makhluknya dalam memilih setiap apa yang dilakukan dan ditinggalkannya. Ketiga, seorang Muslim tidak pernah diperintahkan untuk mengadili orang kafir atas kekafirannya atau menjatuhkan pembalasan ke atas orang-orang yang sesat kerana kesesatannya. Ini kerana hal ini bukan urusannya, dan masanya bukan di dunia. Tetapi pengadilan buat mereka adalah urusan Allah SWT di hari pembalasan kelak. Keempat, seorang Muslim harus percaya bahawa Allah SWT menyuruh hamba-hambanya bersikap adil, mencintai keadilan, menyeru kepada nilai-nilai akhlak yang mulia walaupun ia bersama dengan orang-orang musyrikin dan bencikan kezaliman. Pembalasan harus dilaksanakan ke atas orang yang zalim walaupun kezaliman itu datangnya dari seorang Muslim.

Daripada huraian tentang definisi-definisi yang dijelaskan ini penyelidikan dapat menyimpulkan bahawa toleransi adalah sikap atau tingkahlaku individu dari segi dalaman atau luaran. Toleransi dari segi dalaman seperti persepsi, prejudis dan sterotaip tidak dapat dilihat dengan mata kasar, namun ia boleh berubah dan ditunjukkan melalui tingkahlaku. Toleransi beragama pula boleh diertikan sebagai sikap atau tingkahlaku yang bersedia untuk menghormati dan membenarkan penganut agama lain mengamalkan agama masing-masing tanpa sebarang halangan selagi mana tidak menyentuh sensitiviti agama lain dan tidak melanggar batas syariat yang ditetapkan agama.

Teori Toleransi Beragama

Toleransi beragama menurut Yusuf Al-Qaradhawi (2015) mempunyai tiga peringkat. Peringkat pertama adalah peringkat toleransi yang paling rendah iaitu membiarkan penganut agama lain bebas beragama dan memilih kepercayaannya sendiri. Kita tidak memaksanya menganuti agama ataupun mazhab kita dengan pelbagai balasan dan penekanan seperti ugutan bunuh, menyeksa,

merampas harta benda, membuang daerah dan sebagainya jika ia enggan. Namun begitu, kita tidak membenarkannya bebas melaksanakan kewajipan yang telah ditetapkan oleh akidahnya sendiri dan tidak membenarkannya meninggalkan apa sahaja yang dipercayainya haram jika ia melakukannya. Peringkat kedua pula adalah peringkat toleransi pada tahap sederhana. Pada peringkat ini penganut agama lain diberikan hak untuk menganut apa saja agama dan mazhab yang disukainya dan kita tidak memaksanya untuk meninggalkan sesuatu yang dipercayainya wajib atau melakukan sesuatu yang dipercayainya haram. Peringkat ketiga adalah peringkat toleransi yang tertinggi iaitu kita tidak melarang orang yang berlainan agama dengan kita melakukan apa saja yang dipercayainya halal di sisi agama dan mazhab mereka, walaupun kita percaya bahawa perkara itu adalah haram menurut agama dan mazhab kita.

Ammar Fadzil (2011) melihat toleransi beragama dalam Islam melalui dua perspektif, iaitu teori toleransi beragama yang terdapat dalam Al-Quran dan pengamalan toleransi beragama yang ditonjolkan oleh Nabi Muhammad SAW dan para pengikutnya. Antara ayat-ayat Al-Quran yang disebutkan oleh Ammar Fadzil (2011) adalah tentang tiada paksaan dalam memeluk agama Islam dan kita tidak berhak untuk memaksa orang-orang kafir untuk beriman kepada Allah kerana jika Allah SWT menghendaki nescaya berimanlah sekalian makhluk di muka bumi ini sebagaimana ayat

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَأَمَنَّ الْمَنَ فِي الْأَرْضِ كَلِمَةً تَمُوتُ بِهَا
النَّاسُ حَتَّىٰ يَكُونُوا مُؤْمِنِينَ ﴿١١﴾

berikut:

Maksudnya:

Dan (bukanlah tanggungjawabmu wahai Muhammad menjadikan seluruh umat manusia beriman), jika Tuhanmu menghendaki nescaya berimanlah sekalian manusia yang ada di bumi. (Janganlah engkau bersedih hati tentang kedegilan orang-orang yang ingkar itu; kalau Tuhan tidak menghendaki) maka patutkah engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman? ²

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَن يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ
وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انْفِصَامَ لَهَا
وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٦﴾

Maksudnya:

² Al-Quran, Yunus 10:99

Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Thaghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh, yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.³

Ayat-ayat Al-Quran ini menunjukkan bahawa masyarakat Muslim disuruh untuk bertoleransi dengan masyarakat bukan Islam kerana mereka telah diberi kesedaran bahawa perbezaan agama terjadi adalah disebabkan oleh kehendak Allah SWT yang memberi kebebasan kepada manusia untuk memilih kepercayaan masing-masing.

Seterusnya, Ammar Fadzil (2011) menonjolkan ayat-ayat AL-Quran yang berkaitan dengan seorang anak perlu menghormati ibu bapa mereka selagi mana kedua ibu bapanya tidak menyuruh kepada kemungkaran sebagaimana Firman Allah SWT seperti ayat-ayat berikut:

وَإِنْ جَاهِدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا
 وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا وَأَتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ثُمَّ إِلَيَّ
 مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾

Maksudnya:

Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan denganKu sesuatu yang engkau dengan fikiran sihatmu tidak mengetahui sungguh adanya, maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaullah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan.⁴

Masyarakat Muslim juga dibenarkan untuk membelanjakan harta mereka ke arah kebaikan walaupun kepada orang bukan Islam dan memberi makan kepada tawanan termasuk tawanan bukan Islam seperti ayat berikut:

لَيْسَ عَلَيْكَ هُدَاهُمْ وَلَٰكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَا نَنْفُسُكُمْ وَمَا تُنْفِقُونَ إِلَّا لِأَيْتَاءٍ
 وَجْهِ اللَّهِ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا
 تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٢﴾

Maksudnya:

Tidaklah engkau diwajibkan (wahai Muhammad) menjadikan mereka (yang kafir) mendapat petunjuk, (kerana kewajipanmu hanya menyampaikan petunjuk), akan tetapi Allah jualah yang memberi petunjuk (dengan memberi taufik) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturanNya). Dan apa jua harta yang halal yang kamu belanjakan (pada jalan Allah), maka (faedahnya dan pahalanya) adalah untuk diri kamu sendiri. Dan kamu pula tidaklah mendermakan sesuatu melainkan kerana menuntut keredhaan Allah. Dan apa jua yang kamu dermakan dari harta yang halal, akan disempurnakan (balasan pahalanya) kepada kamu, dan (balasan baik) kamu (itu pula) tidak dikurangkan.⁵

وَيُطْعَمُونَ أَلطَّعَامَ عَلَىٰ حُبِّهِ مِسْكِينًا وَيَتِيمًا وَأَسِيرًا ﴿٨٠﴾

Maksudnya:

Mereka juga memberi makan benda-benda makanan yang dihajati dan disukainya, kepada orang miskin dan anak yatim serta orang tawanan,⁶

Selain melihat dari perspektif Al-Quran, Ammar Fadzil (2011) turut mengambil contoh-contoh tingkahlaku Nabi Muhammad SAW dan para pengikut dalam bertoleransi dengan penganut agama lain. Nabi Muhammad SAW telah menubuhkan perlembagaan Madinah yang menggalakkan kerjasama dan perpaduan dalam masyarakat majmuk yang terdiri daripada penganut Islam, Yahudi, Kristian dan bangsa-bangsa lain. Semua penganut berhak mendapat hak masing-masing dalam beragama dan kesucian agama masing-masing akan dijaga serta setiap penganut perlu menghormati penganut agama lain. Nabi Muhammad SAW juga menyuruh Asma' binti Abu Bakar supaya mengekalkan hubungan yang baik dengan ibunya yang bukan beragama Islam. Nabi Muhamad SAW turut menjaga hubungan baik dengan ahli-ahli kitab seperti melawat mereka, menerima kedatangan mereka, melawat mereka yang sakit, menerima hadiah daripada mereka dan membantu mereka. Ahli-ahli kitab lain turut

³ Al-Quran, Al-Baqarah 2: 256

⁴ Al-Quran, Luqman 31: 15

⁵ Al-Quran, Al-Baqarah 2: 272

⁶ Al-Quran, Al-Insaan 76: 8

dibenarkan untuk melakukan ibadah mereka di masjid yang terdapat di Mekah dan Madinah. Ketika zaman pemerintahan Khalifah Umar, beliau turut mengekalkan sikap yang telah ditonjolkan oleh Nabi Muhammad SAW ini. Khalifah Umar turut menunjukkan sikap toleransinya ketika memberi rawatan kepada orang-orang Yahudi dan Kristian di Byzantin selepas menawan wilayah mereka. Di Sepanyol, ketika Islam berkuasa bermula daripada tahun 711 hingga 1492, tiga komuniti iaitu Kristian, Yahudi dan Islam hidup dalam suasana yang aman dan harmoni. Andalusia, sebagai sebuah bandar Islam Sepanyol merupakan suatu contoh dalam toleransi beragama. Keadaan ini kekal sehingga Granada jatuh ke tangan musuh Islam iaitu pemerintah Katolik Ferdinand dan Isabella pada tahun 1492.

Sebagaimana perspektif Ammar Fadzil (2011), Yusuf Al-Qaradhawi (2015) juga melalui hasil terjemahan kitab Fatawa Muasirah turut menonjolkan semangat toleransi dengan penganut agama lain melalui ayat Allah SWT, gaya interaksi Rasulullah SAW dan gaya interaksi para sahabat dan tabiin terhadap golongan bukan Islam. Gaya interaksi Rasulullah SAW yang ditonjolkan oleh Yusuf Al-Qaradhawi (2015) adalah baginda membenarkan rombongan ahli kitab beribadat di dalam masjid, memberi sedekah kepada ahli bait dalam kalangan Yahudi, menziarahi orang Yahudi yang sakit, memajak baju besinya dengan seorang Yahudi dan pernah menerima hadiah daripada bukan muslim. Gaya interaksi para sahabat dan tabiin terhadap golongan bukan muslim yang disenaraikan oleh Yusuf Al-Qaradhawi (2015) pula adalah Saidina Umar r.a pernah mengarahkan agar memberikan kos perbelanjaan sara hidup yang berterusan kepada seorang Yahudi iaitu ahli kitab dan ahli keluarganya melalui harta Baitulmal, Saidina Umar r.a pernah mengarahkan agar diberikan bantuan kebajikan kepada sekumpulan orang Kristian yang ditimpa kusta melalui harta Baitulmal, Saidina Umar r.a pernah ditikam oleh seorang lelaki dari golongan zimmi, namun beliau masih berpesan agar khalifah yang dilantik selepasnya supaya melayan golongan zimmi dengan baik, melunaskan perjanjian dengan mereka, memerangi orang-orang yang menindas mereka, dan jangan membebaskan mereka dengan sesuatu yang melebihi kemampuan mereka, Abdullah bin 'Amr pernah menyuruh pembantunya memberikan sebahagian daripada sembelihan korban kepada jirannya yang beragama Yahudi, para sahabat Rasulullah SAW pernah mengiringi jenazah seorang Kristian, para tabiin pernah memberi sebahagian daripada sedekah fitrah kepada para pendeta Kristian, Ibnu Abu Syaibah pernah memberi sedekah kepada penganut agama Islam dan golongan zimmi dan Qadhi Ismail bin Ishak bangun dan menyambut kehadiran menteri Abdun bin So'id An-Nasrani iaitu menteri beragama Kristian dengan begitu mesra.

Daripada kesemua huraian ayat Al-Quran dan contoh-contoh tingkahlaku serta interaksi yang ditonjolkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat serta tabiin terhadap golongan bukan muslim dan ahli kitab, penyelidik dapat merumuskan bahawa toleransi beragama dalam Islam adalah mencakupi perkara-perkara berikut: (1) Tidak memaksa penganut agama lain untuk memeluk agama Islam. (2) Bertoleransi dengan kepercayaan penganut agama lain dan memberikan mereka kebebasan untuk mengamalkan ajaran agama mereka, menjaga kesucian semua agama dan setiap penganut perlu menghormati penganut agama lain. (3) Menghormati ibu bapa yang masih bukan Islam selagi mana tidak bertentangan dengan ajaran Islam. (4) Masyarakat Muslim dibenarkan untuk membelanjakan harta mereka ke arah kebaikan dan memberi sedekah kepada yang memerlukan walaupun kepada orang bukan Islam. (5) Menjaga hubungan baik dengan penganut agama lain seperti melawat dan menerima kedatangan mereka, merawat dan melawat mereka sakit, menghormati jenazah mereka, memberi dan menerima hadiah daripada mereka dan turut membenarkan ahli kitab beribadat di tempat ibadat kita. (6) Jika kita adalah pemimpin yang rakyatnya turut terdiri daripada orang bukan Islam, kita perlu melunaskan perjanjian dengan mereka, memerangi orang-orang yang menindas mereka dan jangan membebaskan mereka dengan sesuatu yang melebihi kemampuan mereka. (7) Menjaga hak jiran walaupun bukan beragama Islam seperti memberi makan atau sumbangan dan membantu jika mereka dalam kesusahan. (8) Berjual beli atau berurusan dengan orang bukan Islam.

Jika di Barat, antara nama-nama yang menggagaskan teori toleransi beragama adalah John Locke (1689) iaitu melalui penulisannya "*A letter concerning toleration*", Thomas Hobbes (1651) melalui "*Leviathan*" dan Voltaire (1763) melalui "*A Treatise on Toleration*". Namun, kesemua tokoh-tokoh ini menggagaskan teori toleransi beragama dengan cuba memisahkan agama daripada dikawal oleh Negara (Ahmad Tarmizi Talib 2010). Semua individu berhak mengamalkan agama yang dianutnya tanpa campur tangan Negara.

Analisis Toleransi Beragama Di Malaysia

Jika dilihat secara sepintas lalu, Malaysia telah mengamalkan toleransi beragama yang disarankan dalam Islam iaitu tidak memaksa penganut agama lain memeluk agama Islam, bertoleransi dengan kepercayaan penganut agama lain, menghormati ibu bapa yang masih bukan Islam, masyarakat muslim masih dibenarkan untuk membelanjakan harta mereka kepada bukan Islam, menjaga hubungan baik dengan penganut agama lain, mempunyai pemimpin yang menjaga kepentingan rakyat

mereka tidak mengira sama ada Islam atau bukan Islam, menjaga hak jiran walaupun berbeza agama dan berjual beli dengan bukan Islam. Kesemua yang dinyatakan ini diamalkan oleh masyarakat Islam di Malaysia. Maka dapat dirumuskan bahawa masyarakat Malaysia merupakan masyarakat yang mempunyai toleransi agama yang tinggi.

Rujukan

- Adeney, W. F. (1926). Toleration. In J. Hastings (Ed.), *Encyclopedia of Religion and Ethics (Vol. 12)*. Edinburgh: T & T Clark.
- Agius, & Ambrosewicz, J. (2003). *Towards a culture of tolerance and peace*. Canada: International Bureau for Children's Rights.
- Ahmad Tarmizi Talib, Sarjit S. Gill, Zaid Ahmad, Jayum A. Jawan, & Nur Ayuni Mohd Isa. (2013). Toleransi Sosio-Agama di Sabah dan Sarawak. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 9, 83–90.
- Ammar Fadzil. (2011). Religious Tolerance in Islam: Theories, Practices and Malaysia's Experiences as a Multi Racial Society. *Journal of Islam in Asia*, (3), 345–360.
- Ferrar, J. W. (1976). The Dimensions of Tolerance. *The Pacific Sociological Review*, 19(1), 63–81.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, & Mohd Herzali Mohd Haled. (2008). Toleransi Beragama Dan Amalannya di malaysia: Rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 27, 81–92.
- Laursen, J. C. (2005). Toleration. In M. C. Horowitz (Ed.), *New Dictionary of The History of Ideas (Vol. 6)*. London: Thomson Gale.
- Nur Farhana Abdul Rahman, & Khadijah Mohd Khambali@Hambali. (2013). Religious Tolerance in Malaysia: Problems and Challenges. *International Journal of Islamic Thought*, 3, 81–91.
- Robinson, J., Witenberg, R., & Sanson, A. (2001). The socialization of tolerance. In M. Augoustinos & K. J. Reynolds (Eds.), *Understanding prejudice, racism and social conflict* (pp. 73–88). London: Sage.
- Sullivan, J. L., & Transue, J. E. (1999). The psychological underpinnings of democracy: A selective review of research on political tolerance, interpersonal trust, and social capital. *Annual Review of Psychology*, 50, 625–650.
- Umar Hasyim. (1979). *Toleransi dan kemerdekaan beragama dalam Islam sebagai dasar menuju dialog dan kerukunan antar agama*. Surabaya: Penerbit Pt. Bina Ilmu.
- Vogt, W. P. (1997). *Tolerance and education: Learning to live with diversity and difference*. London: Sage.
- Yusof Al-Qardawi. (1989). *Kedudukan Non Muslim dalam Negara Islam*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
- Yusuf Al-Qaradhawi. (2015). *Fatwa Kontemporari Jilid 2, Siri 4 (Perubatan dan Politik)*. Batu Caves, Selangor: PTS Publishing House Sdn Bhd.